

11 MAY 1999

Iraq-Malaysia

IRAQ YAKIN BANTUAN M'SIA DALAM ISU SEKATAN

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Iraq yakin Malaysia akan memainkan peranan positif di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi memastikan sekatan ekonomi terhadapnya ditarik balik.

Naib Presiden Iraq Taha Yasseen Ramadhan berkata sebagai anggota Majlis Keselamatan, Malaysia telah menyakinkan Iraq bahawa ia akan melakukan yang terbaik.

Ketika bercakap pada sidang berita di sini Taha berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyakinkan beliau bahawa kedudukan Malaysia sentiasa menyokong Iraq dalam usaha negara itu meminta PBB menarik balik sekatan sembilan tahun terhadapnya.

"Hari ini beliau (Dr Mahathir) menegaskan kedudukan yang sama dan berikrar membantu Iraq bagi menamatkan sekatan itu," kata Taha yang mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di sini.

PBB mengenakan sekatan terhadap Iraq selepas Baghdad cuba menakluki Kuwait pada 1990.

Taha, 60, yang dalam rangka lawatan empat hari adalah pemimpin tertinggi Iraq melawat Malaysia sejak Kuala Lumpur dan Baghdad mewujudkan hubungan diplomatik 35 tahun lepas.

Taha yang juga anggota Majlis Pemerintahan Revolusi, badan tertinggi yang membuat keputusan di Iraq, berkata Dr Mahathir juga menyokong Iraq supaya zon larangan terbang di utara dan selatan negara itu ditarik balik.

Semasa pertemuannya dengan Dr Mahathir, beliau menyerahkan perutusan Presiden Saddam Hussein kepada perdana menteri.

Menurut Taha, dalam perutusan itu, Saddam berkata beliau gembira dengan hubungan baik dua hala dan berharap ia akan memberi lebih banyak manfaat.

Mengenai lawatannya ke Malaysia, pemimpin Iraq berkata beliau amat berpuas hati dengan hasil lawatannya itu.

Taha berkata beliau kagum dengan kerjasama yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai Malaysia.

Menurutnya Suruhanjaya Bersama peringkat Menteri Iraq-Malaysia akan bertemu tidak lama lagi bagi membincangkan kerjasama jangka panjang terutama dalam bidang pengeluaran minyak, pendidikan dan perdagangan.

Kedua-dua negara juga bersetuju untuk menambah lawatan bagi semua peringkat dan bidang antara Malaysia dan Iraq.

Mengenai serangan Nato terhadap Yugoslavia, Taha berkata Nato yang diketuai Amerika Syarikat telah memainkan peranan yang berbahaya.

Katanya Nato sepatutnya memainkan peranan mempertahankan dan bukan sebagai penceroboh.

Taha berkata Amerika menggunakan Nato untuk mewajarkan serangannya terhadap Yugoslavia selepas ia gagal mendapatkan kelulusan Majlis Keselamatan PBB.

Beliau meminta semua negara mengutuk tindakan agresif Nato itu.

-- BERNAMA

ES LAT MAI